

PM dedahkan golongan gunakan 'ustaz' untuk cari pengaruh

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan adanya golongan tertentu di negara ini yang menggunakan gelaran seperti 'ulama' dan 'ustaz' untuk mencari pengaruh terutama dalam politik.

Perdana Menteri berkata, golongan ini, apabila digelar sebagai 'ulama' dan 'ustaz' mendakwa pakar dalam bidang Islam, atau menggunakannya untuk membuktikan keislaman mereka.

"Kita selalu menganggap bahasa Arab itu bahasa Islam dan segala bahasa Arab itu ada kaitan dengan Islam. Sebab itu kedua gelaran itu digunakan sebagai satu cara membuktikan keislaman.

"Walhal kita tahu bahawa 'ustaz' adalah 'guru' dan 'ulama' itu seseorang yang pakar atau ceruk pandai atau orang yang berpengalaman khusus di bidang-bidang tertentu," tegasnya lagi.

Tetapi, kata beliau, disebabkan di Malaysia menganggap 'ulama' sebagai satu perkataan Islam, maka seseorang yang dikenali atau yang dipanggil 'ulama' dengan sendirinya dianggap pa-

kar dalam Islam.

"Itulah sebabnya ramai yang ingin cari pengaruh, misalnya dalam politik yang menggunakan perkataan Arab itu untuk mendakwa diri mereka sebagai 'ulama' atau 'ustaz', katanya dalam temuramah khas dengan akhbar Merdeka keluaran terbaru.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, 'ulama' sebenar tidak mendakwa dirinya sebagai 'ulama' kerana gelaran itu diberi oleh orang lain, bukan dirinya sendiri.

Bukti

"Ulama' yang sebenar dikira kerana kebolehan, kepakaran atau pengkhususannya dalam sesuatu ilmu dan dia di kenali masyarakat sebagai seorang 'ulama'. Orang yang berkata dia sebagai 'ulama' sebenarnya jauh dari ulama. Sepatutnya seseorang 'ulama' tidak mendakwa dirinya sebagai 'ulama'," tegasnya lagi.

'Ustaz' pula, kata Perdana Menteri hanya bermakna sebagai 'guru' sahaja. "Jika dia 'guru' dalam bahasa Inggeris dia boleh digelar 'ustaz', begitu juga guru ilmu Alam dan sebagainya," tambah beliau lagi.

Tetapi dalam masyarakat di negara ini, 'ustaz' bermakna orang itu sudah pakar dalam bidang Islam. "Jadi ramallah yang mencari kepentingan—dengan menggunakan perkataan Arab itu," ujarnya.

Belliau berkata, ramai yang suka menggunakan laluan perkataan Arab seperti 'assalamualaikum' untuk membuktikan rang yang menggunakannya sebagai Islam.

"Perkataan itu cuma bermakna 'selamatlah atas kamu semua' atau 'sejahteralah atau kamu semua' atau yang paling tepat maknanya 'selamat'.

Tetapi kerana hendak menunjukkan keislaman atau ingin mempamerkan keislaman, digunakan perkataan Arab itu, seolah-olah dengan cara ini telah membuktikan keislaman atau pencapaian dalam Islam, tegasnya.

Menurut beliau, orang Arab sesama bangsa mereka, walaupun dia bukan Islam menggunakan perkataan 'assalamualaikum' apabila bertemu atau bertegur sapa. "Mengikut kata orang yang hendak menggunakan perkataan ini, 'assalamualaikum' boleh digunakan untuk selapa sahaja, Islam atau bukan Islam.